



PERTANDINGAN PENULISAN KERTAS *YOUNG INVENTORS JOURNAL* (YIJ): PELANCARAN RASMI SECARA DALAM TALIAN

UNTUK HEBAHAN SEGERA

PETALING JAYA, MALAYSIA 21 September 2022 — Pertubuhan Sains, Teknologi dan Inovasi (ASTI) telah melancarkan Pertandingan Penulisan Kertas *Young Inventors Journal* (YIJ). Dalam pelaksanaan projek ini, ASTI telah mendapat sumbangan daripada KLAY EnerSol dan sokongan daripada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Rakan media bagi projek ini adalah Free Malaysia Today (FMT).

YIJ adalah jurnal penyelidikan dalam talian untuk orang ramai membangunkan penyelesaian untuk isu-isu semasa. Sehubungan dengan itu, YIJ dapat memperkasa generasi muda dengan idea dan ciptaan baharu mereka. Kami mengekalkan standard yang tinggi untuk penerbitan dengan bimbingan daripada penasihat profesional yang berpengalaman dan berdedikasi. YIJ juga menggalakkan sesiapa sahaja menghantar kertas dan mereka tidak perlu mewakili mana-mana organisasi akademik atau penyelidikan.

Covid-19 telah memberi kesan kepada orang ramai di seluruh dunia. Ia telah memberi kesan yang berbeza kepada pelbagai komuniti. Komuniti yang paling terjejas adalah golongan miskin dan mereka yang tanpa kediaman. Bagaimanakah kita membantu semua membina semula dunia yang lebih baik? Oleh itu, tajuk pertandingan tahun ini adalah "Bagaimana Untuk Membina Semula Dunia yang Lebih Baik Pasca Covid-19: Ekonomi, Keusahawanan & Mata Pencarian" (How To Rebuild A Better World Post Covid-19: Economic, Entrepreneurship & Livelihood).

Peserta dikehendaki melihat masalah khusus yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi, keusahawanan, dan mata pencarian atau apa sahaja yang mereka rasa perlu ditangani segera; dan mencadangkan penyelesaian yang tepat untuk menyelesaikan isu-isu ini secara adil dan saksama. Ini adalah pertandingan menulis secara berpasukan atau individu. Maka ia boleh ditulis oleh pasukan yang tidak melebihi 5 orang, atau oleh seorang individu sahaja. Pertandingan ini dibuka kepada peserta yang berumur 18 hingga 40 tahun dan penulisan hendaklah dalam Bahasa Inggeris. Semua kertas yang memenuhi standard yang ditetapkan oleh Young Inventors Journal (YIJ) akan menerima sijil penyertaan digital yang akan dihantar melalui e-mel kepada pengarang. Kertas pemenang juga mungkin akan diterbitkan dalam jurnal dalam talian ASTI yang dilancarkan baru-baru ini. Muat turun terma dan syarat serta bahan/modul di sini: https://www.asti.org.my/postcovid_economics/

Peserta yang berminat boleh mendaftar sebelum **15 November 2022** dan mengemukakan kertas cadangan.

Peserta berpeluang memenangi hadiah seperti berikut:

- 1 Pemenang Platinum : RM 1,500
- 1 Pemenang Emas : RM 1000
- 2 Pemenang Perak : RM 700 setiap Kumpulan
- 2 Pemenang Gangsa : RM 500 setiap Kumpulan

Kami berharap agar anak-anak muda dan pemimpin masa depan akan mengambil kesempatan ini dan berkongsi pendapat mereka tentang membina semula dunia yang lebih baik dengan aplikasi yang baik, dan penyelesaian untuk ekonomi, keusahawanan dan mata pencarian, pasca Covid-19.

TENTANG ASTI:

ASTI adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2012, dan telah dengan aktifnya merancang dan menganjurkan program-program inovatif bagi mempromosi pendidikan dan pemahaman pengetahuan saintifik untuk pelajar-pelajar sekolah. Pada masa pandemik ini, ASTI telah pun mengembangkan program-programnya yang merangkumi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah melalui pelbagai usaha secara online. Semenjak daripada awal penubuhan ASTI, lebih daripada 650,000 peserta dari seluruh Asia Tenggara, Amerika Syarikat dan UK telah mengambil bahagian di dalam program-program inovatif ASTI.

-tamat-

HUBUNGI ASTI DI:

Tel: 014-7124217 (boleh hubungi atau WhatsApp nombor ini)

Email: yijasti@gmail.com